

# SRN UMS anjurkan Program Jelajah Budaya Sabah 2.0

UB 9.5.2019 B2

RANAU: Sekretariat Rukun Negara (SRN), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Jelajah Budaya Sabah 2.0 yang mendapat kerjasama daripada pihak Kampung

Kemburongoh, Ranau serta Jabatan Perpaduan Integrasi Negara (JPNIN) pada 20 hingga 21 April lalu.

Seramai 25 orang mahasiswa UMS diberi pendedahan tentang adat

dan budaya etnik Dusun Liwan yang terdapat di kampung berkenaan.

Program ini adalah program tahunan anjuran SRN di mana terdapat pelbagai aktiviti seperti

pengenalan makanan, tarian dan permainan tradisional yang telah disediakan oleh pihak kampung. Mahasiswa dan mahasiswi diagihkan kepada 14 buah keluarga angkat sepanjang program ini berlangsung.

Majlis Perasmian Penutupan Program Jelajah Budaya Sabah 2.0 ini diadakan pada 21 April, yang disempurnakan oleh Ketua Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Harun Tambiri, mewakili Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang tidak dapat bersama atas tugas rasmi universiti yang lain.

Majlis ini turut dihadiri Ketua Kampung Kemburongoh Mайди

Yansun, Pengurus Kawasan Rukun Tetangga Kampung Kemburongoh Zulhimat serta penduduk kampung.

Diharapkan agar program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang agar ikatan yang terjalin antara mahasiswa dan keluarga angkat akan terus berkekalan.

Siswa siswi yang terlibat dalam program ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama bukan sahaja dapat mempelajari mengenai adat dan budaya di kampung ini malah mereka juga dipupuk dengan semangat kerjasama di antara satu sama lain sepanjang aktiviti program ini dijalankan.



MAHASISWA dan juga beberapa ahli keluarga angkat yang terlibat sepanjang program itu.